



1012 PEMBENTUKAN JATI DIRI MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN: ANALISIS TERHADAP KISAH NABI IBRAHIM AS.

Nurzatil Ismah binti Azizan

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

nurzatil@kuis.edu.my

Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff

Jabatan al-Quran dan al-Hadith

Universiti Malaya

zulkifliy@um.edu.my

ABSTRAK

Jati diri adalah aspek penting dalam diri manusia sebagai sandaran dalam menjalani kehidupan. Ianya adalah perkara asas yang terdapat dalam diri serta tidak mampu diganggu gugat oleh unsur lain. Individu yang mempunyai jati diri yang utuh tidak akan terpengaruh atau mengubah pegangannya hanya kerana faktor persekitaran. Al-Quran memaparkan ikon yang hebat untuk diteladani seperti Nabi Ibrahim AS. Keutuhan jati diri Baginda AS amat hebat dalam mempertahankan akidah dan dakwah kepada masyarakat. Kertas kerja ini akan membincangkan berkenaan kehebatan jati diri Nabi Ibrahim AS yang wajar dijadikan contoh dalam membina jati diri supaya tidak terpengaruh dengan budaya negatif serta menyalahi syariat Islam. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan reka bentuk pensejarahan (analisis kandungan). Instrumen kajian yang digunakan ialah dokumen, ianya dianalisis dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati Nabi Ibrahim AS mempunyai jati diri yang hebat atas keyakinan yang tinggi terhadap Allah SWT iaitu keimanan kepada keesaan Allah SWT, tawakal yang tinggi kepada Allah SWT dan keberanian yang luar biasa dalam diri. Ianya dibuktikan dengan paparan kisah Baginda AS dalam al-Quran iaitu keimanan kepada Allah SWT ketika usia kanak-kanak dengan mempersoalkan penyembahan berhala yang berlaku dalam kalangan masyarakat pada masa tersebut. Keberanian menegur ayah Baginda AS supaya beriman kepada Allah SWT sedangkan ayah Baginda AS adalah seorang pengukir patung berhala. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan akal yang bijak sehingga mampu berhujah dengan ayahnya tentang tuhan, mengajak kaumnya berfikir akan kesesatan penyembahan berhala. Jati diri yang dilihat amat hebat apabila Baginda AS berani menghancurkan berhala sembahannya, berani berdialog dengan Raja Namrud supaya beriman kepada Allah SWT. Sifat tawakal yang tinggi dalam menerima perintah Allah SWT dengan meninggalkan isteri dan anaknya di tempat kering yang tiada sumber air. Patuh suruhan Allah supaya membina ka'abah serta menyembelih anaknya Ismail AS. Jati diri Nabi Ibrahim AS wajar dijadikan contoh kepada setiap lapisan masyarakat dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT serta menjaga kesucian agama Islam.

Kata Kunci: *Jati Diri, al-Quran, Nabi Ibrahim AS.*

1. Pendahuluan

Jati diri merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia. Ia menjadikan manusia menjalani kehidupan berdasarkan jati diri. Jati diri dapat difahami aspek ketulenan dan keaslian dalam diri



manusia yang wujud sejak azali atau aspek diri yang perlu dibentuk mengikut dasar dan panduan pegangan seseorang. Jati diri masyarakat Islam perlu dibentuk mengikut acuan nilai-nilai Islam. Al-Quran memaparkan pelbagai kisah yang dapat dijadikan iktibar dalam membentuk jati diri. Ia bagi mengelakkan manusia tersasar daripada panduan Islam yang sebenar.

Cabaran masyarakat pada masa kini tertumpu kepada pemulihan aspek sosial dan akidah. Aspek sosial antaranya masalah akhlak dalam kalangan remaja, budaya negatif dalam masyarakat malah sehingga melibatkan aspek akidah. Masalah dalam masyarakat yang berlaku adalah kesan daripada kegagalan dalam membentuk jati diri yang telah ditetapkan dalam Islam.

2. Latarbelakang Nabi Ibrahim AS

Nabi Ibrahim AS merupakan di antara 25 orang rasul yang diutuskan oleh Allah SWT sepanjang kehidupan manusia. Nabi Ibrahim AS dilahirkan di Babilonia pada zaman pemerintahan Raja Namrud. Raja Namrud terkenal dalam sejarah sebagai raja diktator, malah beliau mengaku dirinya sebagai Tuhan. Daerah ini dikenal sebagai kawasan yang sangat subur kerana berada pada aliran sungai Tiggris dan Eufrat (kini dikenali dengan Iraq). Namun masyarakat pada zaman tersebut tidak mempunyai tahap pemikiran yang bebas dan benar. Antara faktor berlaku hal tersebut adalah kerana latar belakang keluarga yang sama sekali tidak mementingkan nilai-nilai tauhid (Ismail, 2011).

Nama penuh Nabi Ibrahim AS ialah Ibrahim bin Azar (Tarikh) bin Tahur bin Saruj bin Rau' bin Falij bin Aabir bin Syalih bin Arfakhsyad bin Saam bin Nuh AS. Menurut Ibnu Kathir nama lengkapnya adalah Ibrahim bin Tarikh bin Nahur bin Sarugh bin Raghu bin Faligh bin Abir bin Syalih bin Arfakhsyadz bin Saam bin Nuh AS. Isteri Nabi Ibrahim AS yang pertama adalah Sarah, manakala yang kedua adalah Hajar. Anak-anak Baginda AS adalah Nabi Ismail AS anak daripada Hajar, dan Nabi Ishaq AS anak daripada Sarah. Nabi Ishaq AS mempunyai anak iaitu Nabi Ya'qub AS dan Nabi Ya'qub mempunyai anak iaitu Nabi Yusuf AS. Dan dari keturunan Nabi Ismail AS lahir Nabi Muhammad SAW (Imam Mashudi, 2016).

Nabi Ibrahim AS lahir dalam keadaan masyarakat tidak mempunyai nilai tauhid dalam kehidupan. Ayah Baginda AS iaitu Azar merupakan seorang penyembah berhala dan ahli pengukir patung, patung yang diukir tersebut kemudian menjadi alat sembahyang masyarakat setempat. Nabi Ibrahim AS lahir di tengah masyarakat musyrik bagi membetulkan akidah supaya beriman kepada Allah SWT. Masyarakat pada zaman tersebut mempunyai kepercayaan yang meluas terhadap ahli nujum (Ismail, 2011).

3. Jati Diri Menurut Perspektif Islam

Jati diri terbentuk melalui proses perjalanan kehidupan, menilai ilmu pengetahuan, pengamalan, pengalaman dalam diri (Mohd Ghozali, 2015). Ilmu penting sebagai bekalan dalam mencapai



kesempurnaan aspek kerohanian dalam diri seseorang. Dengan ilmu ia membawa manusia merasa takut kepada Allah SWT kesan daripada mengenal Allah SWT seterusnya melakukan ibadah kepada Allah SWT dan melahirkan ketaatan kepada Allah SWT (Zulkiple, 2006).

Pengkaji dalam menganalisis jati diri di dalam al-Quran meneliti kisah Nabi Ibrahim AS sebagai panduan asas pembentukan jati diri muslim. Perkara yang akan diberi penekanan dalam meneliti kisah-kisah di dalam al-Quran ialah sifat atau watak asli yang terdapat dalam diri. Pendekatan analisis kisah-kisah yang terdapat di dalam al-Quran ini perlu diteliti dalam memperoleh sebanyak mungkin aspek tarbiyyah dalam membentuk jati diri bersesuaian dengan apa yang disebutkan oleh ilmuan Islam yang terkemuka dalam bidang pendidikan iaitu Dr. Mustafa Rajab dalam bukunya *Fi Huwiyyah al-Tarbiyyah al-Islamiah wa Manhajituha*. Antara pendekatan tarbiyyah di dalam al-Quran ialah membawa kisah-kisah perumpamaan dengan tujuan mendidik manusia. Uslub yang terdapat dalam kisah-kisah al-Quran merupakan aspek pendidikan yang kuat dan dapat memberi kesan kepada jiwa-jiwa manusia. Kisah-kisah dalam al-Quran terdapat kesenian yang tersendiri dan dapat membina adab (Mustafa, 2008). Dengan itu, wajar mendalami kisah-kisah di dalam al-Quran untuk memperoleh teori pembentukan jati diri bagi masyarakat Islam membina jati diri seperti yang disarankan dalam al-Quran.

Al-Quran memaparkan pelbagai aspek bagi kehidupan manusia, antaranya kisah-kisah para nabi supaya manusia dapat mengambil manfaat dan pengajaran daripada kisah-kisah tersebut. Antara kisah yang banyak dinukilkan dalam al-Quran ialah kisah Nabi Ibrahim AS. Terdapat 69 kalimah Ibrahim dalam al-Quran dalam 25 surah (Muhammad Fuad, 2001). Malah terdapat satu surah dengan nama Surah Ibrahim. Pelbagai penekanan kisah dibawakan seperti dakwah Baginda AS kepada masyarakat pada masa tersebut, keimanan kepada Allah SWT, pengorbanan dalam menyebarkan syiar Islam dan pelbagai kisah menarik yang wajar dijadikan panduan oleh masyarakat pada masa kini.

Proses membentuk jati diri remaja sangat berkait rapat dengan tarbiyyah yang diterima dalam kehidupan seharian. Tarbiyyah meliputi pemberian, pengisahan, pembangunan insan, pendidikan dan pengasuhan. Manakala menurut Dr Khalid al-Hazimi menyatakan bahawa tarbiyyah meliputi pengisahan, pendidikan adab, latihan menghindari dosa, penyucian jiwa dan pembinaan insaniah (Muhammad Alihanafiah, 2013). Berikut merupakan jati diri Nabi Ibrahim AS yang dinyatakan dalam al-Quran.

3.1 Membentuk jati diri dengan keimanan kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT:

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَارَبَ أُمَّةً قَاتَلَهُ حَنِيفًا وَلَمْ يَكُنْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٦﴾

Al-Nahlu 16:120



Terjemahan: Sesungguhnya Nabi Ibrahim adalah seorang imam yang dapat dijadikan teladan lagi patuh kepada Allah dan hanif. Dan sekali-kali bukanlah dia termasuk orang-orang yang menyekutukan (Allah).

Maksud Nabi Ibrahim AS sebagai *ummatan* membawa makna ia sebagai seorang yang beriman yang menyatukan masyarakat, diberi hidayah dan mengikuti sunnah, serta mempunyai sifat benar (Ibn Abi Hatim, 2006). Nabi Ibrahim AS ialah pemimpin dalam kebaikan, taat dan patuh kepada Allah dan tidak mensyirikkan Allah ('Abd Allah Khayyat, t.t). Baginda AS dengan tegas menentang masyarakat pada masa tersebut yang menyembah berhala sebagai tuhan mereka dan berusaha untuk membuktikan bahawa berhala sama sekali tidak dapat memberi manfaat dan mudarat serta membuktikan bahawa tiada yang mampu menandingi kuasa Allah SWT. Pada masa tersebut hanya baginda AS yang beriman kepada Allah manakala yang lain kufur kepada Allah SWT (Al-Baghawi, 2002).

Dari pada kisah tersebut jelas bahawa jati diri manusia dibina melalui pengamalan seseorang iaitu dengan menghubungkan diri seseorang dengan Allah SWT. Aspek ini adalah berkait rapat dengan ketaatan kepada Allah SWT (Wan Nor Adibah, 2015). Taat kepada Allah SWT dalam meninggalkan dosa, taat dalam melaksanakan suruhan dan taat dalam melaksanakan perintah Allah SWT.

Ketaatan akan melahirkan rasa takut kepada Allah SWT, iaitu rasa gementar dan rasa gerun dengan kekuatan dan kebesaran Allah SWT serta takutkan kemurkaaNya dengan melaksanakan segala suruhaNya dan meninggalkan segala laranganNya. Takut yang paling rendah adalah takut yang dapat membawa seseorang untuk meninggalkan dosa dan berpaling dari dunia. Seseorang itu tidak akan merasai takut kepada Allah SWT jika tidak mengenalNya. Mengenal Allah SWT ialah dengan mengetahui sifat-sifat ketuhanan dan sifat-sifat kesempurnaan bagi zatNya (Azis, 2015).

3.2 Membentuk jati diri dengan berkorban di jalan Allah SWT

فَلَمَّا بَلَغَ مَعْهُ السَّقْعَ قَالَ يَبْنُيَ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْجَحُكَ فَانْظُرْ مَاذَا تَرَىٰ قَالَ يَتَأَبَّتِ أَفْعُلُ مَا تُؤْمِرُ سَتَجْدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنْ
الصَّابِرِينَ

Maksudnya: Maka tatkala anak itu sampai (pada umur sanggup) berusaha bersama-sama Ibrahim, Ibrahim berkata: "Hai anakku sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu!" Ia menjawab: "Hai bapaku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu insya Allah kamu akan mendapatiku termasuk orang-orang yang sabar"

Surah al-Saffat 102

Ketika anak Nabi Ibrahim AS iaitu Nabi Ismail AS telah dewasa dan mampu membantu usaha serta pekerjaan ayahnya. Nabi Ibrahim AS memberitahu anaknya bahawa Baginda AS mendapat



perintah daripada Allah SWT. Ia memberitahu anaknya berkenaan perintah tersebut supaya merasa ringan baginya, menguji kesabaran, ketetapan serta ketaatan Nabi Ismail terhadap Allah SWT dan ayahnya. Namun Nabi Ismail memohon ayahnya melaksanakan perintah Allah SWT dan berjanji ia akan menjadi orang yang sabar (Ibn Kathir, 2006).

Ayat ini jelas menunjukkan kesanggupan Nabi Ibrahim AS dalam berkorban anak kesayangan Baginda AS atas perintah Allah SWT. Ianya jati diri yang hebat hanya mampu dilakukan oleh seseorang yang mempunyai jati diri Islam yang sempurna. Sifat ini wajar dijadikan contoh tauladan oleh umat Islam dalam mengorbankan diri, harta dan masa demi mempertahankan agama Islam.

3.3 Membentuk jati diri dengan mengharap amalan diterima oleh Allah SWT.

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلَ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ الْسَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah), ketika Ibrahim meninggikan (membina) dasar-dasar Baitullah bersama Ismail (seraya berdoa): "Ya Tuhan kami terimalah daripada kami (amalan kami), sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui"

(Surah al-Baqarah 2:127)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS membina ka'abah, mereka mengharapkan bantuan dan pertolongan Allah SWT. Mereka mengerjakan amal saleh dan berharap agar amalan mereka diterima oleh Allah SWT. Mereka sentiasa takut amalan mereka tidak diterima (Ibn Kathir, 2006). Ayat ini jelas menunjukkan jati diri Nabi Ibrahim AS yang mengharapkan amalan diterima oleh Allah SWT. Ianya sifat yang terpuji kerana berkait dengan keikhlasan dalam beribadah kepada Allah SWT.

3.4 Membentuk jati diri dengan keberanian.

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَأَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبَصِّرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا ﴿٤٤﴾ يَأَبَتِ إِنِّي قُدْ جَاءَنِي مِنَ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَأَتَيْعُنِي أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا ﴿٤٥﴾ يَأَبَتِ لَا تَعْبُدُ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا ﴿٤٦﴾ يَأَبَتِ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يَمْسَكَ عَذَابًا مِنَ الرَّحْمَنِ فَتَكُونُ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا ﴿٤٧﴾

Maksudnya: Ingatlah ketika ia berkata kepada bapaknya; "Wahai bapakku, mengapa kamu menyembah sesuatu yang tidak mendengar, tidak melihat dan tidak dapat menolong kamu sedikitpun. Wahai bapakku, sesungguhnya telah datang kepadaku sebahagian ilmu pengetahuan yang tidak datang kepadamu, maka ikutilah aku, niscaya aku akan menunjukkan kepadamu jalan yang lurus. Wahai bapakku, janganlah kamu menyembah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu durhaka kepada Tuhan Yang Maha Pemurah. Wahai bapakku, sesungguhnya aku khawatir bahawa kamu akan ditimpah azab dari Tuhan Yang Maha Pemurah, maka kamu menjadi kawan bagi syaitan"



Surah Maryam 19:42-45

Nabi Ibrahim AS menyatakan kepada ayahnya bahawa menyembah berhala itu tidak bermanfaat dan tidak mencegah daripada bahaya, Walaupun Nabi Ibrahim AS lebih muda kerana merupakan anak, namun Baginda AS mengetahui sesuatu yang tidak diketahui oleh bapa Baginda AS. Nabi Ibrahim melarang ayahnya menyembah berhala kerana syaitan yang menyeru kepada penyembahan berhala. Ia menentang dan sompong kepada Allah SWT, ia wajar ditolak dan dijauhi. Bahkan syaitan sama sekali tidak dapat menyelamatkan melainkan akan mendapat azab daripada Allah SWT (Ibn Kathir, 2006).

Nabi Ibrahim AS dilihat berdakwah kepada ayah Baginda AS dengan berhikmah iaitu dengan memohon supaya berfikir akan berhala yang disembah tidak mampu mendatangkan kebaikan dan keburukan. Ia merupakan kaedah yang baik dengan menggunakan akal yang Allah SWT kurniakan supaya dapat membezakan antara kebenaran dan kepalsuan (Mohd Sabir, 2018). Ia juga menunjukkan keberanian Baginda AS yang mampu menegur ayahnya berkenaan hal yang utama dalam kehidupan iaitu kepercayaan kepada kuasa yang diyakini mengawal kehidupan manusia.

Baginda AS diusir malah dakwah Baginda ditolak oleh ayahnya, namun Baginda AS tidak mengeluarkan kata-kata yang kesat kepada ayahnya. Malah ayahnya mengancam untuk disakiti serta diusir keluar daripada negeri (Mohd Sabir, 2018). Keberanian Nabi Ibrahim AS juga jelas apabila memusnahkan berhala yang disembah oleh kaumnya. Ia dinyatakan dalam al-Quran

فَرَاغَ إِلَيْهِمْ فَقَالَ أَلَا تَأْكُلُونَ ﴿٩﴾ مَا لَكُمْ لَا تَنْطِقُونَ ﴿١٠﴾ فَرَأَعَ عَلَيْهِمْ ضَرْبًا بِالْيَمِينِ ﴿١١﴾

Maksudnya: Kemudian ia pergi dengan diam-diam kepada berhala-berhala mereka; lalu ia berkata: "Apakah kamu tidak makan. Kenapa kamu tidak menjawab? Lalu dihadapinya berhala-berhala itu sambil memukulnya dengan tangan kanannya (dengan kuat)

Surah al-Saffat 37: 91-93.

Menurut Farra' ia mendekatkan diri kepada berhala dan memukul dengan tangan kanan, ia kerana memukul dengan tangan kanan lebih kuat dan kerosakan lebih besar. Dan hasilnya berhala tersebut hancur menjadi kepingan kecuali berhala yang paling besar. Malah Baginda AS mempersoalkan kaumnya memahat berhala dan kemudian menjadikan alat sembahyang (Ibn Kathir, 2006).

Baginda AS menghancurkan berhala yang kecil dan meletakkan kapak pada leher berhala yang besar. Apabila kaumnya pulang daripada merayakan peraian mereka terkejut melihat berhala musnah, mereka yakin Nabi Ibrahim AS yang memusnahkan berhala tersebut kerana Baginda AS sahaja yang tidak hadir majlis tersebut (Mohd Sabir, 2018).

Keberanian Nabi Ibrahim AS juga jelas kelihatan ketika Baginda AS berhujah dengan Raja Namrud. Baginda AS hanya seorang remaja yang tidak mempunyai pengikut dan satu-satunya remaja yang menyembah Allah SWT dan mencabar ketuhanan Namrud (Syaari, 2019). Kisah



yang dinyatakan tersebut jelas menunjukkan Nabi Ibrahim AS membentuk jati diri dengan keberanian menyatakan kebenaran.

3.5 Membentuk jati diri dengan sifat tawakkal kepada Allah SWT

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنُتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمَ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ فَأَجْعَلْتَ أَفْدَةً مِنَ النَّاسِ
تَهْوِي إِلَيْهِمْ وَأَرْزُقْهُمْ مِنَ الشَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ ﴿٣﴾ رَبَّنَا إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا تُخْفِي وَمَا تُعْلِنُ وَمَا يَخْفَى عَلَى اللَّهِ مِنْ
شَيْءٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ

Maksudnya: Ya Tuhan kami, sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman di dekat rumah Engkau (Baitullah) yang dihormati, ya Tuhan kami (yang demikian itu) agar mereka mendirikan solat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan beri rezekihal mereka dari buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur. Ya Tuhan kami, sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang kami sembunyikan dan apa yang kami lahirkan, dan tidak ada sesuatupun yang tersembunyi bagi Allah, baik yang ada di bumi maupun yang ada di langit

Surah Ibrahim 14: 37-38

Ayat diatas menunjukkan doa Nabi Ibrahim AS yang kedua setelah doa pertama Baginda AS memohon kepada Allah SWT ketika meninggalkan isterinya Hajar serta anak Ismail. Baginda AS memohon setelah dibina ka'abah sebagai tanda kesungguhan dan besar harapan kepada Allah SWT. Baginda memohon supaya Baitullah menjadi tempat yang dihormati supaya umat Islam di sekitar dapat mendirikan solat. Baginda juga berdoa supaya supaya lembah yang tiada tumbuhan menjadi tempat yang penuh dengan tumbuhan sebagai rezeki untuk mereka makan. Doa Nabi Ibrahim AS dimakbulkan oleh Allah SWT (Ibnu Kathir, 2006).

Tawakkal Nabi Ibrahim AS jelas dilihat apabila Baginda AS taat kepada Allah SWT apabila Baginda AS diperintahkan supaya meninggalkan isteri Hajar dan Ismail yang masih kecil di tanah yang kering serta bukan laluan utama pedagang, namun Baginda AS patuh dan taat akan perintah Allah SWT (Mohd Sabir, 2018). Malah ketaatan Baginda AS jelas dilihat apabila membina ka'abah atas bantuan dan pertolongan Allah SWT. Allah SWT mengajar Baginda AS melakukan ketaatan kepada Allah SWT dengan tawaf, iktikaf dan solat.

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّي أَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ ءَامِنًا وَآجْنَبِي وَبَنِيَ أَنْ نَبْعَدَ الْأَصْنَامَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berkata: "Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini (Mekah), negeri yang aman, dan jauhkanlah aku beserta anak cucuku daripada menyembah berhala-berhala



Surah Ibrahim 14:35

Ayat tersebut menunjukkan bahawa Allah SWT membantah dan menegaskan kepada masyarakat musyrik Arab bahawa tanah haram (Mekah) hanya diperuntukkan untuk beribadat kepada Allah SWT semata-mata tanpa menyekutukannya. Nabi Ibrahim AS orang yang pertama menjadikan daerah tersebut berpenghuni dan Baginda AS berlepas diri daripada menyembah selain daripada Allah SWT (Ibnu Kathir, 2006). Ia menunjukkan sifat tawakkal iaitu selepas berusaha memberi pengajaran kepada kaumnya supaya beriman kepada Allah SWT, Nabi Ibrahim AS tidak perlu lagi menaggung amalan syirik yang diamalkan oleh kaumnya. Malah sifat tawakkal juga dilihat dalam diri Nabi Ibrahim AS ketika Baginda AS meninggalkan isteri dan anaknya di tempat yang kering dan tiada sumber makanan. Ia wajar dijadikan aspek pembentukan jati diri dalam diri umat Islam masa kini dalam membina tawakal kepada Allah SWT.

4. Kesimpulan

Jati diri Nabi Ibrahim AS wajar dijadikan panduan oleh Umat Islam pada masa kini. Antara aspek jati diri yang dilihat adalah keimanan yang kuat kepada Allah SWT, Berkorban di jalan Allah SWT, mengharap kepada Allah SWT, Mempunyai sifat berani dan tawakal kepada Allah SWT. Semua aspek ini wajar dijadikan panduan kepada umat Islam dalam membentuk jati diri sesuai dengan kehendak Islam.

5. Rujukan

‘Abd Allah Khayyat (t.t) *Tafsir al-Muyassar*. Jeddah: Maktabah al-Najjah.

‘Abd al-Rahman b. Abi hatim (2006). *Tafsir Ibn Abi Hatim* (Lubnan : Dar Kutub al-‘ilmiyyah.

Abd Allah b. Ahmad bin Mahmud al-Nasafi. (1998). *Tafsir al-Nasafi Madarik al-Tanzil Wa haqaiq al-Takwil*. Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib.

Abi Muhammad al-Husain. (2002). *Tafsir al-Baghawi Maalim al-Tanzil*. Lubnan : Dar Ibn Hazm.

Fakhrul al-Din al-Razi. (1981). *Mafatih al-Ghaib*. T.tp: Dar al-Fikr.

Ibnu Kathir. Al-Misbah al-Munir Fi Tahzib Tafsir Ibn Kathir. (2006). Terj Syafiyurrahman al-Mubarakfuri. Saudi: Dar al-Salam li al-Nasr wa al-Tauzi’.

Ismail Ansari. (2011). Metodologi Pendidikan Al-Ibrah Dalam Al-Qur'an: Kajian Historis-Paedagogis Terhadap Kisah Nabi Ibrahim Dalam Surat Maryam Ayat 42- 48 Jurnal Ilmiah Didaktika Ogos 2011. Vol. Xii No. 1, 43-58



Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip et al.,(2015). “Pembinaan Kesahan dan Kebolehpercayaan Inventori Spiritual Imam al-Ghazali,” Jurnal Bitara Edisi Khas Psikologi Kaunseling 8.

Mohammad Ghazali dan Nor ‘Azzah Kamri. (2015) “ Keperibadian Islam dan Profesionalisme Dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoritis,” *Jurnal Syariah* 23.

Muhammad al-Husain b. Mas’ud al-Baghawi (2002). *Ma’alim al-Tanzil*. Lubnan : Dar Ibn Hazm.

Muhammad Alihanafiah Norasid dan Mustaffa Abdullah (2013). “Manhaj Tarbiyah Rabbaniyyah oleh Sa’id Hawwa dalam Pembangunan Modal Insan: Tumpuan kepada karya Al-Asas Fi al-Tafsir,” dalam *Dimensi Islam Dalam Penyelidikan Kontemporari*, ed. Mohd Yakub @

Zulkifli bin Mohd Yusoff et al. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
Muhammad Fuad Abd al-Baqi. (2001). Mu’jam Mufahras Li Alfaz al-Quran. Kaherah: Dar al-Hadith.

Mustafa Rajab (2008). *Fi Huwiyyah al-Tarbiyyah al-Islamiah wa Manhajituha*. Medan: tp.
Syaari Ab Rahman. (2019). Di Bawah Teduhan Kisah-kisah al-Quran. Selangor: Firdaus Press Sdn. Bhd.

Wan Nor Adibah bt Wan Ahmad (2015). “Pembentukan Jati diri Muslim Melalui Pengamalan Modul Sahsiah Unggul Murid Di Hulu Langat Dan Sepang Selangor” (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Zulkifli Hj Yusoff. (2014). “Pembangunan Ummah Dari Perspektif Al-Quran,” *Jurnal al-Bayan* 2.

Zulkiple Abd Ghani dan Nor Salimah binti Abu Mansor. (2006). “Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Imam al-Ghazali” .t. tp: tp.